

Headline **Lebih separuh syarikat filem lucu hentikan penggambaran**
Date **15 Oct 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **46**
Article Size **88 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **406**
PRValue **1,218**



Lebih separuh syarikat filem lucu hentikan penggambaran

LOS ANGELES - Lebih separuh daripada syarikat penerbitan filem lucu di California mengambil keputusan untuk memberhentikan penerbitan filem tersebut setelah seorang pelakon lelaki disahkan menghidap HIV pada Rabu lalu.

Syarikat Vivid Entertainment Group dan Wicked Pictures merupakan antara syarikat gergasi filem lucu yang menghentikan penerbitan.

"Kami bertindak dengan penuh bertanggungjawab.

Tiada siapa yang mahu melihat orang lain dijangkiti HIV sedangkan ada cara untuk menghentikannya," kata pengasas Vivid, Steven Hirsch.

Walaupun pelakon di syarikat Wicked Pictures menggunakan kondom, presidennya, Steve Orenstein memberitahu dua sesi penggambaran diberhentikan buat sementara waktu.

Penerbitan itu akan bergantung kepada keputusan ujian lanjut HIV daripada klinik yang bertanggung-

jawab membuat pemeriksaan.

Editor kanan Syarikat Adult Video News, Mark Kernés menjangkakan banyak syarikat penerbitan akan menutup operasi sehingga identiti orang yang telah berhubung dengan pelakon yang menghidap HIV itu diketahui.

Syarikat filem lucu lain yang turut menghentikan penerbitan ialah Hustler Video, Digital Playground, Jenaration X Studios, Girlfriends Films dan Kick Ass Pictures. - AP